

Shaklee®

Hidup Tanpa Batas Usia

Dihasilkan daripada sumber polifenol
paling berpengaruh di dunia yang terbukti
secara saintifik




Apa Akan Terjadi Jika Anda Boleh Memperlahankan Penuaan?



Sejak berabad dahulu, impian untuk memperlahankan penuaan telah menarik perhatian manusia. Di saat mitos 'The Fountain of Youth' masih kekal sebagai legenda, kemajuan sains telah berjaya membongkar rahsia untuk hidup muda lebih lama.

Kita Semua Diperbuat daripada Sel

Sel-sel badan kita menanggung 500 trilion serangan setiap minit. Serangan ini datang daripada beberapa sumber termasuk toksin, pemilihan makanan dan daripada fungsi penting harian tubuh badan seperti bernafas dan mencerna makanan. Semua ini menyumbang kepada kerosakan sel.



Apabila Sel-Sel Anda Menua, Anda Juga Menua

Proses penuaan bermula dari peringkat sel di mana kerosakan akan bertambah dari semasa ke semasa. Kajian menunjukkan bahawa proses pada peringkat sel memainkan peranan penting dalam kepelbagaian kadar penuaan manusia dan termasuk faktor-faktor yang berikut:



Panjang Telomere

Telomere adalah penutup pelindung pada kromosom yang memendek dengan setiap pembahagian sel. Telomere yang lebih pendek dikaitkan dengan penuaan sel yang lebih cepat.



Kerosakan DNA

Kerosakan DNA yang terkumpul di dalam sel boleh mengganggu fungsi sel dan menyumbang kepada penuaan.



Mitokondria

Ini adalah penjana kuasa sel yang menghasilkan tenaga. Kegagalan fungsi mitokondria boleh menyebabkan kemerosotan penghasilan tenaga dan tekanan pada peringkat sel yang boleh mempercepatkan proses penuaan.



AGEs (Advanced Glycation End Products)

Molekul berbahaya ini terbentuk apabila gula bertindak balas dengan protein. AGE boleh merosakkan DNA, menjejaskan fungsi sel dan menyumbang kepada penuaan.

Lindungi Sel Anda Dengan Polifenol

Walaupun penuaan sel tidak dapat dihentikan sepenuhnya, tetapi anda boleh memperlahkannya dengan polifenol yang bertindak sebagai antioksidan yang berkuasa untuk anda hidup muda lebih lama.*

Polifenol Mengekalkan Keremajaan Sel Anda

Bahan-bahan Utama Dalam Polifenol Menunjukkan:



**98.8% Peningkatan
Penghasilan
Tenaga Sel**




**13x Pengurangan
Pembentukan Protein AGE
Yang Merosakkan**



**Melemahkan
Tindak Balas
Keradangan**



**2/3 Pengurangan
Kerosakan DNA**



**Melindungi Daripada
Tekanan Oksidatif**



**57% Pengurangan
Kadar Pemendekan
Telomere**




Polifenol Membantu Meningkatkan Tahap Tenaga Anda


Apabila tahap tenaga sel anda bertambah baik, anda akan mendapati:

- ✓ Tahap tenaga meningkat dan keletihan berkurang
- ✓ Kekuatan otot bertambah dan prestasi senaman bertambah baik

98.8% Peningkatan Penghasilan Tenaga Sel



KAWALAN



CAMPURAN POLIFENOL

Jisim dan jumlah mitokondria ditunjukkan dengan warna hijau terang.

Sumber: Fisher, L., T. Ianiro, F. Lau, H. Wang and B. Daggy: Synergistic effects of phenolic mixtures in human cell models of aging. Experimental Biology 2015, Boston, Massachusetts, March 28-April 1, 2015. FASEB Journal 29:608.36, 2015.

Kajian menunjukkan bahawa bahan-bahan utama dalam campuran ini boleh meningkatkan jumlah dan fungsi mitokondria, iaitu penjana kuasa dalam sel kita. Ini bermakna penghasilan tenaga dari peringkat sel bertambah dan berpotensi untuk menggalakkan keremajaan.*

Apa itu Mitokondria?

Mitokondria adalah penjana kuasa badan anda.

Polifenol merangsang mitokondria untuk menghasilkan lebih banyak tenaga.

lebih
Mitokondria

=

lebih






Kulit Muda Berseri dengan Polifenol

MEMERANGI TANDA-TANDA MASA:

POLIFENOL DAN PROTEIN AGE (ADVANCE GLYCATION END PRODUCTS)

Apabila usia meningkat, badan kita akan mengumpulkan produk sampingan tertentu yang dipanggil Advance Glycation End Products, atau AGE secara semula jadi. Protein AGE akan menyumbang kepada kemunculan tanda-tanda penuaan yang ketara. Kajian makmal menunjukkan bahawa campuran polifenol boleh membantu merencatkan pembentukan protein AGE sebanyak 80%.



Rajah 2. Campuran polifenol menghasilkan perencatan glikasi albumin yang lebih kuat berbanding resveratrol sahaja.

Rujukan: L Fisher, T. Ianiro, F. Lau, H. Wang, B. Daggy. Synergistic Effects of Phenolic Mixtures in Human Cell Models of Aging. FASEB Journal, April 2015. vol. 29 no. 1 Supplement 608.36.



13x Lebih berkuasa daripada resveratrol sahaja¹

Menurut kajian makmal, bahan-bahan utama dalam campuran polifenol telah terbukti dapat mengurangkan pembentukan protein AGE 13x lebih tinggi berbanding sel yang menerima resveratrol sahaja.¹

Adakah Protein AGE begitu berbahaya?

AGE boleh meningkatkan tekanan oksidatif, keradangan dan mengubah struktur protein. Struktur protein yang berubah boleh:



Menjejaskan fungsi sel



Mempercepatkan penuaan




Merosakkan kolagen & meningkatkan risiko penuaan pramatang



Polifenol Membantu Mengurangkan Keradangan Hanya dengan Sekali Penggunaan

Makanan tinggi lemak dan karbohidrat serta corak pemakanan yang tidak sihat boleh menyebabkan keradangan tahap rendah dalam badan anda. Kajian klinikal menunjukkan bahawa campuran polifenol dapat melemahkan tindak balas keradangan pada individu sihat terhadap pengambilan makanan tinggi lemak dan karbohidrat.*†2 Kesan polifenol ke atas penanda aras keradangan dapat dilihat dan terbukti dengan hanya satu penggunaan.



[§] % Perubahan dalam Protein Keap-1 pada MNC


[#] Perbezaan yang signifikan berbanding plasebo

Sumber: Ghanim, H. et al. A resveratrol and polyphenol preparation suppresses oxidative and inflammatory stress response to a high-fat, high-carbohydrate meal. J Clin Endocrinol Metab 96(5):1409-1414, 2011

Pemakanan Tinggi Lemak & Karbohidrat



Keradangan




Mempercepatkan Penuaan





Polifenol Membantu Mengurangkan Kerosakan DNA

Campuran polifenol telah dibuktikan melalui kajian makmal dapat melindungi daripada kerosakan DNA.* Kajian mendapati bahawa sel yang mengandungi polifenol menunjukkan 2/3 pengurangan yang signifikan terhadap kerosakan DNA berbanding sel tanpa polifenol.



Perbezaan ketara berbanding kawalan

Sumber: Fisher, L., T. Ianiro, F. Lau, H. Wang and B. Daggy: Synergistic effects of phenolic mixtures in human cell models of aging. Experimental Biology 2015, Boston, Massachusetts, March 28-April 1, 2015. FASEB Journal 29:608.36, 2015.



KAWALAN




CAMPURAN POLIFENOL

Ujian komet adalah ujian saintifik untuk mengesan kerosakan DNA dalam sel kita.

DNA yang rosak akan kelihatan seperti komet berekor, manakala DNA yang tidak rosak berbentuk bulat. Ini membantu saintis memahami tahap kerosakan DNA.

Bagaimana Kerosakan DNA Mempengaruhi Penuaan?

Kerosakan DNA adalah pemacu penting proses penuaan. Apabila usia kita meningkat, pengumpulan kerosakan DNA di dalam sel boleh menjejaskan fungsi sel dan menyumbang kepada penuaan.




Polifenol Membantu Melindungi Sel Anda Daripada Punca Tekanan Luaran dan Dalaman


Tekanan oksidatif berlaku apabila terdapat ketidakseimbangan antara radikal bebas dan antioksidan dalam badan. Radikal bebas adalah molekul yang sangat reaktif. Ia terbentuk di dalam badan apabila badan kita menjalankan proses normal harian. Ia juga boleh disebabkan oleh faktor luaran, termasuklah pemakanan yang tinggi makanan berproses, tekanan, toksin persekitaran dan kurang bersenam.



Pemakanan, tekanan, toksin persekitaran dan faktor luaran lain




Penuaan Sel



Sumber antioksidan terkuat di dunia

Mengambil antioksidan berkualiti tinggi setiap hari adalah cara terbaik untuk mengurangkan tekanan oksidatif. Ia membantu membekalkan perlindungan dwi lapisan kepada sel anda daripada radikal bebas luaran dan dalaman.

Perlindungan Dwi Lapisan Untuk Sel Anda



Kopi

Teh Hitam

Teh Hijau

Beri Biru

Raspberi

Badam

Walnuts


Polifenol



Polifenol Membantu Memperlahankan Kadar Pemendekan Telomere Sehingga 57%

Telomere adalah penutup pelindung pada hujung kromosom yang mengandungi DNA kita. Seiring peningkatan usia, telomere kita akan memendek secara beransur-ansur. Telomere yang lebih pendek mempunyai kaitan rapat dengan pelbagai masalah kesihatan. Jadi, usaha memperlahankan proses pemendekan telomere dapat menyokong kehidupan yang lebih lama dan sihat.*

Dalam kajian yang telah diterbitkan, orang dewasa yang mengambil campuran polifenol bersama suplemen Shaklee lain menunjukkan pengurangan 57% pada pemendekan telomere berbanding kumpulan kawalan yang sihat.³ Ia menunjukkan bahawa suplemen ini mungkin dapat merangsang kesihatan sel dan berpotensi menyokong kehidupan yang lebih lama dan lebih bertenaga.



Hasil Terbukti Sepanjang Zaman

Dalam kajian yang telah diterbitkan, individu yang mengambil pelbagai suplemen Shaklee, termasuk campuran polifenol menunjukkan keputusan berikut:

36% ↓

**Tahap Protein
C-Reaction^{†1}**

Penanda utama tekanan
biologi

83% ↓

Penggunaan Ubat^{†1}

Untuk individu berumur 60+

32% ↓

Tahap Trigliserida^{†1}

Sejenis lemak (lipid) dalam
darah anda

31% ↑

Tahap HDL^{†1}

Lipoprotein berketumpatan
tinggi, dikenali sebagai
"kolesterol baik"

57% ↓

Kadar Pemendekan Telomere²

Telomere yang lebih pendek dikaitkan
dengan pelbagai risiko kesihatan



Imbas untuk
Maklumat
Lanjut Mengenai
Campuran
Polifenol

RUJUKAN:

*Produk ini tidak bertujuan untuk mendiagnos, merawat, menyembuh atau mencegah sebarang penyakit.

†Kajian klinikal menunjukkan tindak balas keradangan dilemahkan dalam kalangan individu sihat yang mengambil makanan tinggi lemak dan karbohidrat.

‡Data untuk kumpulan perbandingan diperoleh daripada NHANES 2007-2010. Pengguna Shaklee jangka panjang jelas menunjukkan tahap yang lebih rendah bagi biomarker kesihatan jantung yang paling penting yang diiktiraf oleh Persatuan Jantung Amerika.

1. Fisher, L., T. Ianaro, F. Lau, H. Wang and B. Daggy: Synergistic effects of phenolic mixtures in human cell models of aging. Experimental Biology 2015, Boston, Massachusetts, March 28-April 1, 2015. FASEB Journal 29:608.36, 2015.
2. Ghanim, H. et al. A resveratrol and polyphenol preparation suppresses oxidative and inflammatory stress response to a high-fat, high-carbohydrate meal. J Clin Endocrinol Metab 96(5):1409-1414, 2011.
3. Wang et al., Telomere Length of Multiple Dietary Supplement Users – A Cross-sectional Study in Comparison with Age-matched Controls. Journal of Food and Nutrition Sciences 2018; 6(5): 129-134.



Polifenol Untuk Sel Anda

Bertunjangkan Alam. Diperakui oleh Sains.

